

NOTICE & CONSENT UNDER PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010
NOTIS & PERSETUJUAN DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Genting Property Sdn Bhd, its subsidiaries and related corporations (“GPSB”, “our”, “us” or “we”) respect the privacy of individuals with regard to personal data. This Personal Data Notice is formulated in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 and regulations, standards, policies and code of practice made thereunder (“Act”) and it explains how we collect and handle your personal information in accordance with the Act. For the purpose of this Personal Data Notice, the terms “personal data”, “sensitive personal data” and “processing” shall have the same meaning as prescribed in the Act.

Genting Property Sdn Bhd, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dengannya (“GPSB”, “kami”, atau “kita”) menghormati privasi individu-individu berkenaan dengan data peribadi. Notis Data Peribadi ini dikeluarkan berdasarkan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan peraturan-peraturan, standard-standard, polisi-polisi dan kod amalan yang dikeluarkan dibawahnya (“Akta”) dan ia menerangkan bagaimana kami mengumpul dan mengendalikan maklumat peribadi anda berdasarkan kepada Akta tersebut. Untuk tujuan Notis Data Peribadi ini, terma-terma “data peribadi”, “data peribadi sensitif” dan “pemprosesan” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang dinyatakan di bawah Akta.

1. Collection of Personal Data / Pengumpulan Data Peribadi

We may request that you provide personal data in the course of your dealings with us. This is to enable us to enter into commercial transactions with you, or deliver the necessary services or information in connection with our services or products. By signing this Personal Data Notice, you are giving your consent to us to process your personal data and sensitive personal data (collectively referred to as “Personal Data”).

Pihak kami akan meminta anda untuk memberikan data peribadi semasa anda berurusan dengan kami. Ini adalah untuk membolehkan kami untuk memasuki transaksi komersial dengan anda, atau untuk memberikan perkhidmatan atau maklumat yang diperlukan berkaitan dengan perkhidmatan atau produk kami. Dengan menandatangani Notis Data Peribadi ini, anda memberikan persetujuan anda kepada pihak kami untuk memproses data peribadi dan data peribadi sensitif anda (dirujuk secara kolektif sebagai “Data Peribadi”).

2. Description of Personal Data / Deskripsi Data Peribadi

In this regard, we may process your Personal Data such as:

Dalam hal ini, pihak kami akan memproses Data Peribadi anda seperti berikut:

- (a) Name, age, gender, date of birth, identity card number, passport number, photograph, images and footages;
nama, umur, jantina, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor pasport, gambar, imej dan rakaman;
- (b) race, ethnic origin, nationality, physical and mental health information, criminal records;
bangsa, asal-usul etnik, kewarganegaraan, maklumat kesihatan fizikal dan mental, rekod jenayah;
- (c) contact information including address, email address and phone number;
maklumat kenalan termasuk alamat, alamat emel dan nombor telefon;
- (d) marital status, and details of spouse, children, and next of kin / emergency contact person;
status perkahwinan, dan butir-butir isteri, kanak-kanak dan waris / orang yang boleh dihubungi pada waktu kecemasan;
- (e) occupation, work history, performance reviews, income details, work permit details, employer, references and any other details of past employers, EPF details, SOCSO details;
pekerjaan, sejarah pekerjaan, penilaian prestasi, butir-butir pendapatan, butir-butir permit kerja, majikan, rujukan serta butir-butir lain mengenai majikan terdahulu, butir-butir EPF, butir-butir SOCSO;
- (f) type of loans or facilities applied / to apply in relation to purchase of property or for other purposes;
jenis pinjaman atau kemudahan yang dipohon / untuk permohonan berkenaan dengan pembelian hartanah atau tujuan lain;
- (g) financial details including bank account or facility details, credit card details, tax file details, tax filings records; and
butir-butir kewangan termasuk butir-butir akaun bank atau kemudahan, butir-butir kad kredit, butir-butir fail cukai, rekod pemfailan cukai; dan
- (h) such other relevant information and data to enable us to provide you with our services or information in connection with our services or products.
maklumat dan data lain yang berkaitan untuk membolehkan kami memberikan kepada anda perkhidmatan atau informasi berkenaan dengan perkhidmatan atau produk kami.

3. Purpose of collection of Personal Data / Tujuan untuk mengumpul Data Peribadi

Your personal data is or will be collected and processed by us for the following purposes:

Data peribadi anda telah atau akan dikumpul dan diproses oleh kami bagi tujuan berikut:

- (a) preparation and execution of all necessary documents and agreements for our services and/or products including any obligations arising from any agreements entered into between you and us and to provide you with the information and services that you request from us;
penyiapan dan pelaksanaan semua dokumen dan perjanjian diperlukan untuk perkhidmatan dan/atau produk kami termasuk sebarang kewajipan yang timbul daripada sebarang perjanjian antara anda dan kami dan untuk memberikan anda maklumat dan perkhidmatan yang diminta oleh anda daripada kami;
- (b) implementation, performance and completion of any commercial transactions, dealings or in connection with the services and/or products that we may provide to you;
pelaksanaan, penyempurnaan dan penyiapan sebarang transaksi komersial, urusan atau berkaitan dengan perkhidmatan dan/atau produk yang mungkin kami sediakan kepada anda;
- (c) to assess your application for our services and/or products;
untuk menilai permohonan anda untuk perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk kami;
- (d) to verify your financial standing through credit reference checks, credit assessments, financial and background investigations as and when

- deemed necessary;
untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda melalui semakan rujukan kredit, penilaian kredit, kewangan dan latar belakang apabila difikirkan perlu;
- (e) to verify and carry out financial transactions including payments made by or to you and administering and processing any payments related to our services and/or products;
untuk mengesahkan dan melakukan transaksi kewangan berkaitan dengan pembayaran termasuk pembayaran yang dibuat oleh anda atau kepada anda dan mentadbir dan memproses sebarang pembayaran berkaitan dengan perkhidmatan dan/atau produk kami;
- (f) reporting to relevant regulatory authorities and meeting any legal or regulatory requirement relating to our services and/or products and to make disclosure under the requirements of any applicable law, regulation, directive, guideline, by-law, code, circular, government authorities and/or court of competent jurisdiction;
melaporkan kepada pihak berkuasa pengawalan yang berkaitan dan memenuhi sebarang keperluan undang-undang atau kawal selia yang berkaitan dengan perkhidmatan dan/atau produk kami dan untuk membuat pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang, peraturan, arahan, garis panduan, undang-undang kecil, kod, pekeliling, kerajaan yang terpakai pihak berkuasa dan/atau mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten;
- (g) maintenance and upkeep of internal client records, administration, management, business development, advertising, research, internal operations, troubleshooting, data analysis, statistical and survey purposes and social activities;
penyelenggaraan dan senggaraan rekod dalaman pelanggan, pentadbiran, pengurusan, pembangunan perniagaan, pengiklanan, penyelidikan, operasi dalaman, penyelesaian masalah, analisis data, tujuan statistik dan tinjauan serta aktiviti sosial;
- (h) to enable us to communicate advertising or marketing materials with you or send you information by email, regular postal mail, telecommunication means (including but not limited to telephone calls, text messages, social chat applications) about our services and/or products;
untuk membolehkan pihak kami menyampaikan bahan pengiklanan atau pemasaran kepada anda atau menghantar maklumat kepada anda melalui e-mel, mel pos biasa, cara telekomunikasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon, mesej teks, aplikasi sembang sosial) tentang perkhidmatan dan/atau produk kami;
- (i) dealing with administration, billing, complaints and any other purposes relating to your property or services provided to you;
mengendalikan pentadbiran, pengebilan, aduan dan sebarang tujuan lain yang berkaitan dengan hartanah anda atau perkhidmatan yang diberikan kepada anda;
- (j) to operate our website and information technology software (including the collection of internet protocol address and cookies) including all internet related activities;
untuk mengendalikan laman web kami dan perisian teknologi maklumat (termasuk pengumpulan alamat protokol internet dan kuki) termasuk semua aktiviti berkaitan internet;
- (k) to allow you access any application, web portal or online platforms, owned, operated or managed by us or on our behalf;
untuk membolehkan anda mengakses mana-mana aplikasi, portal web atau platform dalam talian, yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh kami atau bagi pihak kami;
- (l) to enable us to send you information by email, regular postal mail, telecommunication means (including but not limited to telephone calls, text messages, social chat applications) about services offered by selected third parties that we think may interest you but in doing so we maintain control over your Personal Data and we will not disclose your Personal Data to such third parties without your prior consent;
untuk membolehkan kami menghantar maklumat kepada anda melalui e-mel, mel pos biasa, cara telekomunikasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon, mesej teks, aplikasi sembang sosial) mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga terpilih yang kami fikir mungkin menarik minat anda tetapi untuk berbuat demikian pihak kami akan mengekalkan kawalan ke atas Data Peribadi anda kepada pihak ketiga tersebut tanpa kebenaran anda terlebih dahulu;
- (m) to publish photographs, images or video footages of you, which are captured during our participation in any or our events, on our website or other social media or at our premise;
untuk menerbitkan gambar, imej atau rakaman video anda, yang diambil semasa penyertaan anda dalam mana-mana acara atau acara kami, di laman web kami atau media sosial lain atau di premis kami;
- (n) to grant you access to any premises/facilities, including the premises/facilities owned, operated or managed by us or on our behalf;
untuk memberikan anda akses ke mana-mana premis/kemudahan, termasuk premis/kemudahan yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh pihak kami atau bagi pihak kami;
- (o) to protect your safety and wellbeing and that of other visitors to our premises; and
untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan anda dan pelawat kami yang lain ke premis kami; dan
- (p) for such other purposes related or ancillary to the foregoing purposes.
bagi tujuan-tujuan lain yang berkaitan atau bersampingan dengan tujuan-tujuan di atas.

The abovementioned purposes shall collectively be referred to as “**Purposes**”.

*Tujuan-tujuan yang dinyatakan diatas secara kolektifnya dirujuk sebagai “**Tujuan**”.*

4. Source of Personal Data / Sumber Data Peribadi

The Personal Data which may be collected, processed and used by us are sourced from sources such as:

Data Peribadi yang mungkin dikumpul, diproses atau digunakan oleh kami diambil daripada sumber-sumber seperti berikut:-

- (a) our official forms (printed or electronic) submitted or completed by you or on your behalf, including booking/application forms, visitor/guest lists, inquiry forms or other relevant forms or documents;
borang-borang rasmi pihak kami (bercetak atau elektronik) yang diserahkan atau dilengkapkan oleh anda atau bagi pihak anda, termasuk borang tempahan/permohonan, senarai pelawat/tetamu, borang pertanyaan atau borang atau dokumen lain yang berkaitan;
- (b) any queries, emails, correspondences or documents that we receive in the course of any communications between you and us;
sebarang pertanyaan, e-mel, surat-menyurat atau dokumen yang kami terima semasa sebarang komunikasi antara anda dan kami;
- (c) from recordings of Closed Circuit Television (CCTV) installed at our premises;
daripada Rakaman Kamera Litar Tertutup (CCTV) yang dipasang di premis kami;
- (d) your business cards that were dropped or given to us or our employees;

- kad perniagaan anda yang diberikan kepada kami atau pekerja kami;*
- (e) any data and information from third parties (including but not limited to credit reporting agencies, government authorities or your employers);
apa-apa data atau maklumat daripada pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi pelaporan kredit, pihak berkuasa kerajaan atau majikan anda;
 - (f) from publicly available sources;
daripada sumber awam;
 - (g) and all other information that you may provide us from time to time.
dan semua maklumat lain yang diberikan oleh anda kepada kami dari semasa ke semasa.

5. Disclosure of Personal Data / Pendedahan Data Peribadi

You hereby consent and authorise us to provide or disclose your Personal Data to the following parties:

Anda dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada kami untuk memberikan dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak berikut:

- (a) GPSB's related companies;
syarikat-syarikat berkaitan dengan GPSB;
- (b) our third-party service providers, our business partners, joint management body, management corporation, residents'/owners' association, representatives, agents or other body/entity formed or to be formed in relation to our property development to implement the Purposes and to provide related services in connection with our services and/or products;
pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami, rakan niaga kami, badan pengurusan bersama (JMB), perbadanan pengurusan (MC), persatuan penduduk (RA)/ pemilik badan, wakil, ejen atau badan/entiti lain yang ditubuhkan atau akan ditubuhkan berhubung dengan pembangunan hartanah kami untuk melaksanakan Tujuan dan untuk menyediakan perkhidmatan berkaitan berhubung dengan perkhidmatan dan/atau produk kami;
- (c) our auditors, consultants and professional advisors;
juruaudit, perunding dan penasihat profesional kami;
- (d) financial institutions and credit reporting agencies;
institusi kewangan dan agensi pelaporan kredit;
- (e) our potential assignor, assignee, transferor, transferee, acquirer or acquiree in respect of our rights, interest and properties;
bakal penyerah hak kami, penerima serah hak, pemindah milik, penerima pindahan, pemeroleh atau penerima pemerolehan kami berkenaan dengan hak, kepentingan dan hartanah kami;
- (f) such third party as requested for or authorised by you;
pihak ketiga seperti yang diminta atau dibenarkan oleh anda;
- (g) any governmental departments or agencies, regulatory and statutory authorities; and
mana-mana jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa kawal selia dan berkanun; dan
- (h) any other third parties to implement any of the Purpose.
mana-mana pihak ketiga lain untuk melaksanakan mana-mana Tujuan tersebut.

6. Safety and Retention of Personal Data / Perlindungan dan Pengkalan Data Peribadi

- 6.1 We endeavour to implement the appropriate administrative and security safeguards and procedures in accordance with the Act, particularly the General Code of Practice of Personal Data Protection, to ensure that any Personal Data held by us is protected against any loss, misuse, modification, unauthorised or accidental access or disclosure, alteration or destruction.
Pihak kami akan berusaha untuk melaksanakan prosedur pentadbiran dan keselamatan yang sesuai berdasarkan kepada Akta tersebut, khususnya Tata Amalan Umum Perlindungan Data Peribadi, untuk memastikan bahawa apa-apa Data Peribadi yang disimpan oleh kami dilindungi daripada sebarang kerugian, penyalahgunaan, pengubahsuaian, pendedahan atau akses tanpa kebenaran atau secara tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan.
- 6.2 Any Personal Data supplied by you will be retained by us as long as they are necessary for the fulfillment of the Purposes, required to satisfy any legal, regulatory or accounting requirements or to protect our interests. Your Personal Data will be permanently deleted once they are no longer needed or required for the abovementioned purposes.
Apa-apa Data Peribadi yang diberikan oleh anda akan disimpan oleh kami selagi ia diperlukan untuk memenuhi Tujuan, untuk memenuhi sebarang keperluan undang-undang, keperluan peraturan-peraturan atau perakauanan atau untuk melindungi keperluan pihak kami. Data Peribadi anda akan dipadamkan secara kekal apabila ia tidak lagi diperlukan untuk Tujuan yang dinyatakan di atas.

7. Consequences of Refusal or Failure to Provide Personal Data / Akibat Keengganan/Kegagalan untuk Membekalkan Data Peribadi

You have the right to refuse to provide your Personal Data. However, when it is obligatory to provide us your Personal Data, your refusal or failure to do so may result in the following consequences in which we shall not be held liable:

Anda mempunyai hak untuk tidak memberikan Data Peribadi anda. Walau bagaimanapun, apabila ia adalah wajib untuk anda memberikan kepada kami Data Peribadi anda, keengganan atau kegagalan anda untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan seperti berikut di mana pihak kami tidak akan bertanggungjawab:

- (a) inability to provide you with any of our services or products;
ketidakupayaan untuk memberikan anda dengan sebarang perkhidmatan-perkhidmatan atau produk-produk kami;
- (b) inability to finalise any agreement or complete any commercial transaction; and
ketidakupayaan untuk memuktamadkan sebarang perjanjian atau melengkapkan sebarang transaksi komersial; dan

- (c) inability to update you with the latest services, products and/or launches.
ketidakupayaan untuk memaklumkan kepada anda dengan perkhidmatan-perkhidmatan terkini, produk-produk dan/atau pelancaran baharu.

8. Right to Access, Correct, Limit and Withdraw the Processing of Personal Data

Hak untuk Mengakses, Membetulkan, Membataskan dan Menarik Balik Pemprosesan Data Peribadi

You have the right to:
Anda mempunyai hak untuk:

- (a) access, correct or update your Personal Data;
mengakses, membetulkan atau mengemas kini Data Peribadi Anda;
- (b) limit the processing of your Personal Data;
membataskan pemprosesan Data Peribadi anda;
- (c) prevent processing of your Personal Data for purpose of direct marketing;
menghalang pemprosesan Data Peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung;
- (d) withdraw the consent to process your Personal Data*; and
menarik balik persetujuan untuk memproses Data Peribadi anda; dan*
- (e) make any inquiries or complaints in respect of your Personal Data by contacting us at:
untuk membuat pertanyaan atau aduan berkenaan dengan Data Peribadi anda dengan menghubungi kami di:

Contact Person Designation: <i>Jawatan Orang untuk Dihubungi:</i>	PDPA Officer <i>Pegawai PDPA</i>
Telephone No.: <i>No. Telefon:</i>	(i) Indahpura Sales Office / <i>Pejabat Jualan Indahpura</i> Tel: 07-662 4652 (ii) Pura Kencana Sales Office / <i>Pejabat Jualan Pura Kencana</i> Tel: 07-455 8181
E-mail address: <i>Alamat E-mel:</i>	pdp.genp@gentingplantations.com

*Note: Your withdrawal of consent to process your Personal Data will possibly lead to the consequences as stated in Paragraph 7 above.

**Nota: Penarikan balik persetujuan anda untuk memproses Data Peribadi anda berkemungkinan akan membawa kepada akibat yang dinyatakan di Perenggan 7 di atas.*

Acknowledgement and Consent /*Pengakuan dan Persetujuan:*

I/We, *Saya/Kami*,
 hereby acknowledge that I/We have read and understood the contents of this Personal Data Notice, and:
Dengan ini mengakui bahawa Saya/Kami telah membaca dan memahami kandungan Notis Data Peribadi ini, dan:

1. I/We hereby agree and consent to you collecting, storing and processing my/our Personal Data, as well as any other information that I/We may provide to you from time to time, in the manner and for the Purposes described above; and
Saya/Kami dengan ini bersetuju dan membenarkan kamu untuk mengumpul, menyimpan dan memproses Data Peribadi saya/kami, serta sebarang maklumat lain yang mungkin saya/kami berikan kepada kamu dari semasa ke semasa mengikut cara dan untuk Tujuan yang dinyatakan di atas; dan
2. I/We hereby declare that my/our Personal Data which I/We have provided or may provide to you are correct and true. I/We will continue to update you on my/our Personal Data from time to time and ensure that our Personal Data are correct and up-to-date.
Saya/Kami dengan ini mengisytiharkan bahawa Data Peribadi saya/kami berikan atau mungkin berikan kepada kamu adalah betul dan benar. Saya/Kami akan terus mengemas kini kepada anda tentang Data Peribadi saya/kami dari semasa ke semasa dan memastikan Data Peribadi saya adalah betul dan terkini.

Signature/Tandatangan	:	Signature/Tandatangan	:
Name>Nama	:	Name>Nama	:
NRIC No./No. K/P	:	NRIC No./No. K/P	:
Date/Tarikh	:	Date/Tarikh	: